

## STATUS TERKINI ENSO (Kemaskini 03 Oktober 2017)

- Suhu permukaan laut (SST) di sebahagian besar Lautan Pasifik terus menunjukkan keadaan ENSO – neutral.
- Oceanic Niño Indeks (ONI) terkini (anomali purata SST bagi Jun – Julai – Ogos) telah menunjukkan penurunan kepada  $0.2\text{ }^{\circ}\text{C}$  berbanding  $0.4\text{ }^{\circ}\text{C}$  pada bulan sebelumnya, dengan anomali suhu mingguan terkini di kawasan pemantauan NINO 3.4 ialah  $-0.2^{\circ}\text{C}$ , manakala di kawasan pemantauan lain adalah  $-1.0\text{ }^{\circ}\text{C}$  (Niño 1+2),  $-0.5\text{ }^{\circ}\text{C}$  (Niño 3) dan  $-0.2^{\circ}\text{C}$  (Niño 4).
- Kebanyakan model-model iklim antarabangsa menjangkakan keadaan ENSO - La-niña lemah pada hujung tahun 2017 dengan kebarangkalian 55% – 60 %.